


Berita Harian PiliH 26/01/2010 M/S 4

SBT misi iktiraf sekolah negara ke taraf dunia

20 sekolah diberi autonomi tambahan urus kurikulum, pentadbiran

Oleh Johari Ibrahim
joib@bharian.com.my



SEKOLAH Kebangsaan Bandar Uda 2, Johor Bahru antara yang terpilih Sekolah Berprestasi Tinggi.

SEKOLAH TERPILIH SBT

Sekolah Berasrama Penuh

- Sekolah Tun Fatimah (Johor Bahru)
- Sekolah Dato' Abdul Razak (Seremban)
- Kolej Melayu Kuala Kangsar
- Sekolah Seri Puteri (Cyberjaya)
- Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (Jitra)
- Kolej Tunku Kurshiah (Seremban)
- Kolej Islam Sultan Alam

Shah (Klang)

- Sekolah Menengah Sains (SMS) Tuanku Syed Putra (Perlis)
- Sekolah Sultan Alam Shah (Putrajaya)
- SMS Muzaffar Syah (Melaka)

Sekolah Menengah Harian

- Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) (P) Sri Aman (Petaling Jaya)
- SMK Aminuddin Baki (Kuala Lumpur)
- SMK Sultanah Asma (Alor

Setar)

- SMK (P) St George (Pulau Pinang)

Sekolah Rendah

- Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Bintang Utara (KL)
- SK Taman Tun Dr Ismail 1 (Kuala Lumpur)
- SK Bukit Damansara (KL)
- SK Zainab (2) (Kota Bharu)
- SK Convent Kota (Taiping)
- SK Bandar Baru Uda 2 (Johor Bahru)

Guru Besar dan Pengetua

“Ini hadiah istimewa ketika kami menyambut ulang tahun ke-125 tahun ini, apatah lagi ia kejayaan paling tinggi bagi mana-mana sekolah di negara”

Sharifah Affifah Syed Abbas

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (P) St George

“Jaringan komunikasi dengan sekolah atau institusi pengajian tinggi luar negara juga menjadi pakej lengkap meningkatkan lagi prestasi kolej”

Mohd Rauhi Mohd Isa
Pengetua Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK)

“Pengkiktirafan ini akan menyuntik semangat untuk guru dan kakitangan terus mengekalkan tradisi

PUTRAJAYA: Misi mengangkat sekolah negara ini ke taraf dunia bermula semalam dengan pemilihan kumpulan pertama 20 Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang menyaksikan pengetua dan guru besar diberi autonomi tambahan dalam pengurusan kurikulum, kewangan dan kakitangan.

Autonomi itu antara lain memberi kelonggaran memanjangkan waktu persekolahan, menamatkan tempoh persekolahan pelajar cemerlang setahun lebih awal, mengagihkan kewangan mengikut keperluan serta mengambil kakitangan berdasarkan pencapaian dan bukan kekananan.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata SBT dibimbing dan dipantau secara khusus menjamin berlaku lonjakan prestasi secara berterusan.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran, berkata penilaian SBT akan dibuat berdasarkan laporan tahunan petunjuk keberhasilan dan pemeriksaan sekolah mengi-

Sekolah diberi autonomi

- Fleksibel dalam pengajaran dan pembelajaran serta silibus bagi subjek wajib dan elektif
- Boleh menggunakan bahasa pengantar bahasa kebangsaan atau pelbagai bahasa lain.
- Kelonggaran menetapkan waktu pengajaran minimum sesuatu mata pelajaran.
- Memanjangkan waktu persekolahan.
- Membenarkan tempoh persekolahan bagi pelajar cemerlang ditamatkan setahun lebih awal (seperti kelas lompat).
- Fleksibiliti untuk mengagihkan kewangan mengikut keperluan.
- Pengecualian daripada perolehan secara berpusat.
- Bajet tambahan antara RM500,000 hingga RM1 juta setahun.
- Mengambil staf berdasarkan prestasi pencapaian dan bukan kekananan.
- Boleh menyediakan bayaran kerja lebih masa dan ganjaran berdasarkan prestasi kepada semua staf.
- Boleh memindahkan staf jika prestasi kurang memuaskan.
- Pengagihan fungsi berdasarkan akademik dan bukan akademik.

Kriteria pemilihan SBT

- Pencapaian akademik

keunggulan TKC"

Che Kamaliah Endud

Pengetua Kolej Tunku Kurshiah (TKC)

“Anugerah ini tidak datang bergolek tetapi hasil usaha keras semua pihak dan saya percaya ia datang dengan tanggungjawab lebih berat untuk melestarikan kejayaan”

Junaidi Santano

Pengetua Sekolah Tun Fatimah (STF)

“Ini anugerah ketiga diterima selepas Anugerah Sekolah Cemerlang Peringkat Kebangsaan pada 2007 dan Anugerah Sekolah Kluster Kecemerlangan tahun lalu”

Fuziah Hasan

Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bandar Uda 2

pemeriksaan sekolah mengikut Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang diubah suai.

Beliau bagaimanapun menjelaskan SBT bukan sekolah elit untuk sebilangan kecil pelajar, sebaliknya semua sekolah mempunyai peluang sama dan boleh bersaing 'di padang sama rata' bagi mendapat pengiktirafan itu.

“Tahun ini kita sasarkan 20 sekolah mengikut sub Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) kementerian, manakala 30 pada tahun depan dan 50 lagi pada 2012,” katanya pada sidang media mengemukakan senarai kumpulan

pertama SBT yang meliputi 14 sekolah menengah (SM) dan enam sekolah rendah.

SM yang terpilih termasuk empat sekolah harian, iaitu SM Kebangsaan (P) Sri Aman, Petaling Jaya; SMK Sultanah Asma, Alor Setar; SMK Aminuddin Baki, Kuala Lumpur dan SMK (P) St George, Pulau Pinang.

Muhyiddin berkata, 20 sekolah berkenaan dipilih daripada 10,000 sekolah di seluruh negara berdasarkan kriteria tertentu termasuk menunjukkan pencapaian cemerlang dalam akademik dan kokurikulum.

Mengenai nasib sekolah pedalaman, Muhyiddin berkata, mungkin mereka akan menghadapi cabaran kerana kemudahan yang belum setara dengan sekolah bandar, tetapi tetap boleh diiktiraf sebagai SBT jika memenuhi kriteria.

“Ini bukan usaha jangka pendek dan tak mungkin semua 10,000 sekolah naik ke tahap begitu, di mana dunia pun tidak begitu, tetapi tak kira bandar, luar bandar atau pedalaman, kalau prestasi bagus dia akan diiktiraf SBT manakala kemudahan di pedalaman kita akan terus per-

baiki,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, berkata kementerian belum ada mekanisme khusus mengenai langkah autonomi SBT yang membenarkan tempoh persekolahan ditamatkan setahun lebih awal bagi murid cemerlang.

“Panduan kasarnya ialah kerajaan berasaskan pelajar cemerlang dibenarkan menamatkan persekolahan setahun lebih awal, tetapi ia akan bergantung kepada cadangan pengetua dan guru besar,” katanya.

■ Pencapaian akademik yang cemerlang.

■ Melahirkan personaliti unggul.

■ Merangkul anugerah kebangsaan dan antarabangsa.

■ Mewujudkan jalinan dengan institusi pengajian tinggi.

■ Mempunyai permuafakatan jitu dengan masyarakat serta jaringan kukuh dengan sekolah tempatan dan antarabangsa.

■ Menjadi penanda aras kepada sekolah dalam dan luar negara.

Guru anggap pemilihan dorong kekal cemerlang

KUALA LUMPUR: Guru besar dan pengetua menyifatkan pemilihan sekolah mereka, Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) sebagai cabaran, amanah dan pengiktirafan terhadap usaha serta kerja kuat pentadbiran sekolah mereka bertahun-tahun.

Tidak kurang yang memuji Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) mereka atas sokongan berterusan sehingga menjadikan sekolah mereka

antara yang terbaik.

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma (SMKSA) Kedah, Kartini Zakaria, menyifatkan tersenarai sebagai kelompok SBT adalah pengiktirafan dan motivasi kepada seluruh warga sekolahnya.

“Kejayaan kami menunjukkan sekolah menengah harian boleh berjaya sekiranya ada usaha dan kesungguhan dipamerkan guru, pe-

lajar dan kakitangan sekolah. Ini akan dijadikan pemangkin dan motivasi untuk kami terus mengekalkan kecemerlangan,” katanya.

Pengetua Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, Ahmad Din, berkata SMKSA akan terus mengekalkan budaya kecemerlangan berterusan melahirkan modal insan bertaraf dunia.

Pengetua Sekolah Sultan Alam Shah (SSAS) Putrajaya,

Mohamad Kamaludin Taib, berkata pihaknya akan menambah jalinan kerjasama dengan institusi luar negara dan universiti tempatan selaras dengan status sekolah sebagai SBT.

“Pemilihan SSAS amat menggembirakan, tetapi kita juga agak bimbang kerana harapan tinggi yang akan diletakkan kepada sekolah dan pelajar,” katanya.

Pengetua Sekolah Seri Pu-

teri (SSP) Cyberjaya, Rashidah Mohd Arif, berkata pengiktirafan ini adalah hasil usaha semua pihak termasuk pelajar dan ibu bapa.

Pengetua Kolej Islam Sultan Alam Shah (Kisas), Abdullah Jusoh, berkata beliau akan menyusun semula urusan tadbir sekolah dengan tumpuan kepada intelektual tahap tinggi, pemantapan akhlak dan sahsiah, kecergasan fizikal dan prasarana.